



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 8/2025

27 OGOS 2025 (3 RABI'UL AWWAL 1447H)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya
Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini.
Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-Ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha Pengurusan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam tadbir urus bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA)

Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2025, anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti, tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi.

Penilaian AIGA 2025 terbahagi kepada 4 peringkat sebelum ke peringkat penilaian khas bagi kelayakan Anugerah Platinum. Pembahagian penilaian adalah seperti berikut:

- a) Memuat naik Dokumen dan Penilaian Kendiri
- b) Penilaian dan Pengesahan Dokumen
- c) Penilaian Pelaksanaan (Atas Talian)
- d) Penilaian Lapangan (Fizikal)
- e) Penilaian Panel Khas (Anugerah Platinum)

MBPJ buat julung kalinya menyertai AIGA dan telah lulus saringan bagi semakan dokumentasi serta lulus sesi penilaian secara atas talian pada 29 Julai 2025. Seterusnya, MBPJ layak ke peringkat penilaian lapangan secara fizikal yang akan diadakan pada 8 September 2025. Saya mohon kerjasama daripada semua Ketua Jabatan dan warga kerja untuk memperkasakan persediaan fizikal dan dokumen berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Penyertaan MBPJ dalam penilaian AIGA ini bukan semata-mata untuk mendapatkan pengiktirafan tetapi lebih penting lagi sebagai cerminan kesungguhan Majlis untuk membina budaya kerja yang bebas daripada rasuah dan salah guna kuasa. Penilaian ini menjadi pemangkin untuk kita menilai kekuatan dan kelemahan dalaman serta kesediaan memperbaiki sistem sedia ada secara berterusan dan kepatuhan kepada peraturan dan dasar yang telah ditetapkan. Diharapkan MBPJ berjaya melepasi semua sesi penilaian ini dengan cemerlang.

3. PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN PETALING JAYA 2035 (PENGgantian)

MBPJ kini dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2035 (RTPJ 2035) (Penggantian). Dalam usaha merealisasikan matlamat ini, RTPJ 1 dan RTPJ 2 akan digabungkan untuk mewujudkan sebuah dokumen perancangan yang lebih komprehensif, holistik dan menyeluruh.

Matlamat utama RTPJ 2035 (Penggantian) adalah untuk:

- i. Menyemak dan menyelaraskan semula hala tuju pembangunan Petaling Jaya agar sejajar dengan dasar-dasar semasa di peringkat antarabangsa, Persekutuan dan Negeri;
- ii. Mengaplikasikan konsep serta strategi perancangan terkini ke arah menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar yang mampan dan progresif;
- iii. Mengenal pasti tapak-tapak berpotensi untuk pembangunan masa hadapan.

RTPJ 2035 (Penggantian) ini bukan sekadar sebuah dokumen teknikal, malah ia merupakan cerminan aspirasi bandar raya dan warganya. Bagaimana kita bersama-sama mahu membentuk Petaling Jaya sebagai sebuah bandar pintar, inklusif, mampan dan berdaya tahan menjelang tahun 2035.

Proses penyediaan RTPJ 2035 (Penggantian) juga akan memberi ruang kepada libat urus menyeluruh, memastikan suara semua pihak daripada pemimpin, komuniti setempat, pihak industri hinggalah agensi kerajaan dapat diambil kira bagi membina hala tuju pembangunan yang inklusif.

MBPJ telah melaksanakan beberapa kajian sektoral perancangan pembangunan, siri bengkel dan forum berkaitan Dasar Pembangunan

Petaling Jaya. Semua input ini sedang digabungkan dalam penyediaan RTPJ 2035 (Penggantian) agar dasar perancangan bandar raya kita kekal relevan dengan isu semasa dan cabaran masa depan.

Majlis turut mengambil inisiatif mengadakan Bengkel RTPJ 2035 (Penggantian) khusus bagi membincangkan hasil penemuan daripada 9 kajian sektoral dan rumusan hasil forum Dasar Pembangunan Petaling Jaya. Bengkel ini bertujuan memastikan input kajian dapat disepadukan dengan baik, dasar sedia ada disemak semula secara kritis, dan akhirnya membentuk sebuah hala tuju pembangunan bandar raya yang holistik.

Selain menjadi platform perbincangan, bengkel ini turut berperanan sebagai medan perbincangan inklusif yang menghimpunkan lebih 100 peserta terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, jabatan teknikal dalaman Majlis, wakil PlanMalaysia Selangor dan wakil Selangor Greater Klang Valley.

Langkah ini amat penting untuk memastikan perancangan bandar Petaling Jaya lebih efektif dan responsif terhadap keperluan semasa, di samping selaras dengan agenda pembangunan mampan di peringkat nasional dan antarabangsa. Saya yakin dengan sokongan serta kolaborasi semua pihak, RTPJ 2035 (Penggantian) akan menjadi

dokumen rujukan utama yang mampu memacu Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya yang lebih pintar, mampan, berdaya tahan dan dinamik untuk generasi hari ini dan masa depan.

4. PLATS PEMACU KEUSAHAWANAN DIGITAL SELANGOR: MBPJ TERIMA ANUGERAH

Dalam usaha memperkasa usahawan Selangor menjadi lebih berdaya saing, Platform Selangor (PLATS) terus mengorak langkah sebagai pemacu transformasi digital untuk usahawan mikro dan kecil.

Inisiatif di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ini bukan sekadar platform digital sahaja malah ekosistem menyeluruh yang memberi ruang kepada usahawan tempatan untuk berkembang melalui akses kepada latihan, pembiayaan dan jaringan pasaran.

Melalui kerjasama dengan agensi-agensi pelaksana negeri, PLATS memperkenalkan tiga modul pembangunan usahawan yang dikenali sebagai U-PLATS iaitu **U-PLATS Digital**, **U-PLATS Halal** dan **U-PLATS Expand**.

Sejak diperkenalkan, PLATS telah merekodkan lebih 88,000 peniaga berdaftar yang menerima manfaat daripada pelbagai program yang ditawarkan. Ia membuktikan bahawa pendekatan yang inklusif dan

strategik mampu meningkatkan daya saing usahawan tempatan, khususnya dalam dunia digital yang semakin mencabar.

Sebagai usaha menghargai pencapaian usahawan tempatan yang telah berkembang melalui PLATS, Majlis Anugerah Platform Selangor (MAPS) telah diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada usahawan-usahawan yang menunjukkan kemajuan ketara melalui modul U-PLATS, termasuk peningkatan jualan, penglibatan aktif dalam latihan dan komitmen berterusan terhadap pembangunan perniagaan mereka.

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor, telah berkenan mencemar duli menyampaikan anugerah.

Majlis merakamkan ucapan tahniah kepada dua orang usahawan yang telah mengharumkan nama MBPJ sebagai penerima **Anugerah Usahawan Mikro Wanita**, Puan Farihin binti Jantan, usahawan santan dan kerisik dan **Anugerah Usahawan PLATs Digital Selangor**, Puan Sahdatun Nazirah binti Zainal Abidin, usahawan makanan panipuri.

Penghargaan turut diberikan kepada 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) yang memainkan peranan penting melalui Pegawai Perhubungan Usahawan dalam menjayakan pelaksanaan PLATS di peringkat komuniti.

PLATS adalah komitmen Kerajaan Negeri Selangor untuk membina sebuah ekosistem keusahawanan yang inklusif, mampan dan berpaksikan digital. Ia memperlihatkan bagaimana kerjasama strategik merentas agensi dapat menghasilkan impak yang lebih besar kepada pembangunan sosioekonomi rakyat.

Dengan strategi yang berfokus, sokongan daripada rakan pelaksana, dan keberanian melangkah ke pentas antarabangsa, PLATS kini bersedia menjadi model pembangunan keusahawanan digital negeri yang boleh dicontohi bukan sahaja di Malaysia, malah di rantau ini.

Majlis komited akan terus membantu usahawan kecil dengan melatih dan mendidik agar terus berdaya saing dan dapat mengembangkan rangkaian perniagaan ke peringkat yang lebih tinggi.

5. RAIH ANUGERAH 5G ENTERPRISE & AI CITIES GRANT 2025

MBPJ terus melakar pencapaian cemerlang dalam merealisasikan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandar Pintar apabila diumumkan sebagai **penerima Anugerah 5G Enterprise & AI Cities Grant 2025** sempena *ASEAN AI Malaysia Summit 2025*.

Anugerah berprestij ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Digital sebagai pengiktirafan terhadap MBPJ dalam memacu pembangunan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan

5G demi merealisasikan aspirasi bandar pintar.

Melalui geran di bawah Program Penggunaan 5G Untuk Industri Menjelang ASEAN 2025, sebanyak empat (4) projek inovatif MBPJ telah terpilih untuk menerima pembiayaan. Projek-projek ini menampilkan tahap inovasi tinggi serta memberi impak strategik kepada komuniti dan ekonomi bandar, dengan memfokuskan integrasi teknologi AI dan 5G dalam pengurusan bandar. Pencapaian ini hasil daripada pemilihan teliti berdasarkan beberapa faktor utama:

- a) Pencalonan oleh YB Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi Selangor yang mencadangkan MBPJ kepada Kementerian Digital untuk disenaraikan sebagai calon penerima geran.
- b) Kesediaan MBPJ dalam elemen 5G dan AI dalam menguruskan bandar.
- c) Senarai projek yang dikemukakan MBPJ menepati kriteria Kementerian Digital, iaitu mengandungi elemen AI dan 5G serta kos yang bersesuaian dengan bajet kementerian.
- d) Smart City Petaling Jaya telah menepati Tahap 1 Penerapan MS ISO 37122, piawaian antarabangsa bagi bandar pintar berasaskan data indikator.
- e) Kesediaan inisiatif *Smart City PJ* untuk diperkasakan dan ditambah nilai dengan integrasi teknologi AI, menjadikan projek ini lebih strategik dan berskala masa depan.

Pencapaian ini menggariskan komitmen berterusan MBPJ dalam memperkasa teknologi pintar secara menyeluruh bagi memastikan Petaling Jaya kekal sebagai sebuah bandar raya yang moden, efisien dan berdaya saing.

Usaha ini bukan sahaja mendukung agenda transformasi digital, malah turut memperkukuh kesejahteraan rakyat, mempertingkatkan daya saing ekonomi tempatan serta menjadikan Petaling Jaya sebagai penanda aras bandar pintar di peringkat serantau.

6. PENGANJURAN INTERNATIONAL AIKIDO SHUDOKAN TRAINING CAMP 2025 CIPTA REKOD *MALAYSIA BOOK of RECORDS*

MBPJ dengan kerjasama Aikido Shudokan Malaysia mencipta sejarah apabila menjadi tuan rumah kepada International Aikido Shudokan Training Camp 2025, program berprestij yang menghimpunkan pengamal Aikido dari seluruh dunia. Acara yang berlangsung ini menjadi pentas pertemuan seni mempertahankan diri bertaraf antarabangsa.

Edisi kali ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan sulung di Kyoto, Jepun dan penganjuran terbesar bagi aliran Yoshinkan dengan penyertaan lebih 150 peserta dari 18 negara termasuk Malaysia, Jepun, Australia, Singapura, Indonesia, Hong Kong, Korea, Vietnam,

Kanada, Republik Czech, Qatar, Belanda, England, Amerika Syarikat, Rusia, Croatia, Poland dan Perancis.

Bengkel *Restraint & Removal* – *Aiki Concept* khusus untuk anggota penguat kuasa yang telah diadakan pada 22 Ogos 2025 bertujuan memberi pendedahan kepada teknik praktikal yang relevan dengan tugas harian mereka.

Latihan memfokuskan kepada teknik alih dan keluar, imobilisasi, kawalan serta pengusiran dalam meningkatkan kemahiran dan kecekapan dalam operasi lapangan.

Bengkel Kesedaran & Pertahanan Diri Wanita pada 23 Ogos 2025 memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik pertahanan diri yang mudah, praktikal dan berkesan selain memupuk keyakinan serta kesedaran keselamatan ketika berdepan situasi berisiko.

Kedua-dua bengkel tersebut telah mencipta rekod **The Malaysia Book of Records** iaitu ***Most Enforcement Officer Participants in An Aikido Shudokan Workshop*** dan ***Most Female Participants in An Aikido Shudokan Workshop***.

Program ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif Bandar Selamat MBPJ bagi memperkasa wanita dengan ilmu keselamatan diri.

Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Hajah Norashikin berkenan mencemar duli merasmikan program ini.

MBPJ komited memartabatkan elemen seni, budaya dan sukan mempertahankan diri sebagai sebahagian daripada pembangunan fizikal, ekonomi, sosial dan persekitaran selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

7. ANUGERAH GLOBAL EXCELLENCE FOR ISLAMIC TOURISM URBAN INNOVATION

Julung-julung kali MBPJ menerima **Anugerah Global Excellence for Islamic Tourism Urban Innovation** sempena penganjuran World Islamic Tourism & Trade Award 2025 yang berlangsung di Sunway Resort Hotel.

Anugerah berprestij ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Mohd Khalid Harun, Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATA).

Penganugerahan ini bertujuan untuk mengiktiraf kecemerlangan dalam sektor pelancongan Islam dengan menghargai pencapaian serta sumbangan individu dan organisasi yang memberi impak signifikan kepada pembangunan industri pelancongan Islam.

Program ini telah menghimpunkan pelbagai agensi dan badan terkemuka yang terlibat dalam sektor pelancongan serta perdagangan Islam di peringkat global.

8. INISIATIF INOVASI: TEMPAT ELOK DIKHASKAN UNTUK HENTIAN (TEDUH)

MBPJ telah dipilih oleh Jawatankuasa Tetap Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Negeri Selangor bagi pelaksanaan inisiatif projek TEDUH.

TEDUH merupakan akronim kepada **Tempat Elok Dikhaskan Untuk Hentian** yang berfungsi sebagai hentian rehat khusus buat penghantar makanan dan barangan (*riders*). Objektif inisiatif ini adalah:

- a) Menyediakan kemudahan rehat yang selesa dan selamat untuk penghantar makanan/barang bermotosikal.
- b) Meningkatkan imej MBPJ sebagai organisasi yang prihatin terhadap keperluan komuniti.
- c) Mengurangkan masalah pengumpulan *riders* di lokasi yang tidak sesuai.

Taman Bandar SS2 di Zon 8 telah dipilih sebagai lokasi pembinaan setelah mengambil kira beberapa faktor kesesuaian termasuk jumlah premis makanan dan minuman di kawasan sekitar, maklum balas hasil temu bual bersama *riders* dan kawasan ini juga merupakan *hotspot* melalui Aplikasi Grab.

Kemudahan di TEDUH @MBPJ akan dilengkapi dengan soket kuasa untuk pengecasan telefon, pengawasan CCTV, kipas, lampu serta berdekatan dengan kemudahan awam sedia ada seperti tandas dan surau. Ia dijadualkan siap pada Disember 2025.

9. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA RAKAN STRATEGIK MBPJ

MBPJ terus konsisten melaksanakan operasi-operasi penguatkuasaan secara bersepadu khususnya berkaitan dengan penggajian warga asing tanpa kebenaran bersama agensi rakan strategik bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih efisien dan holistik.

Tindakan penguatkuasaan secara bersepadu ini memberikan impak yang positif khususnya kepada komuniti Petaling Jaya. Sepanjang Ogos 2025, operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah dilaksanakan di kawasan-kawasan seperti PJS 2, PJS 3, Seksyen 1 dan Seksyen 3. Hasil operasi penguatkuasaan yang dijalankan adalah seperti berikut :

- a) 40 semakan premis
- b) 27 penahanan warga asing
- c) 31 tindakan sitaan
- d) 19 tindakan kompaun
- e) 32 penutupan premis

Sepanjang tahun 2025 (Januari – Ogos 2025), Jabatan Penguatkuasaan MBPJ telah melaksanakan 11 siri operasi bersepadu bersama pihak JIM di kawasan-kawasan seperti Petaling Jaya Selatan (PJS), Kota Damansara, PJ Old Town, Kampung Chempaka, Flora Damansara, Apartment Mentari Court, Bandar Sri Damansara serta Damansara Damai. Hasil operasi penguatkuasaan adalah seperti berikut:

- a) 242 semakan premis dan aktiviti penjaja
- b) 1,090 penahanan warga asing
- c) 68 tindakan sitaan
- d) 34 tindakan kompaun
- e) 44 penutupan premis perniagaan

Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada perundangan yang diguna pakai. Sehubungan itu, pihak Majlis memohon agar semua pihak sentiasa cakna serta mematuhi perundangan yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.

10. **PJ WATCH**

Pihak Majlis terus melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan dibawah program *PJ Watch*. Operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan ini tertumpu kepada lokaliti seperti SS 2, Seksyen 17, SS 3, PJU 5, PJS 1 dan SS 7. Sepanjang tahun 2025 (Januari – Ogos 2025), berikut merupakan statistik yang telah dilaksanakan:

BIL.	PERKARA		JUMLAH	
1.	Jumlah Lokasi <i>Hotspot</i> Sampah Haram		43 Lokasi	
2.	Jumlah <i>Hotspot</i> Yang Dilengkapi CCTV Bergerak		15 Lokasi	
3.	Jumlah Penemuan Kes Sampah Haram Melalui CCTV	Individu	36 Individu	65
		Kenderaan	26 Buah Kenderaan	
		Syarikat	3 premis	
4.	Jumlah Kompaun Di Bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ) 2007		318	
5.	Jumlah Tangkapan	Individu	59 Individu	115
		Kenderaan	10 Buah Kenderaan	
		Syarikat	46 buah syarikat	
6.	Hebahan Media Sosial		10 kali	12
7.	Program Pendidikan		<i>PJ Learning City Festival</i>	23
			Edaran Risalah • Kaunter perkhidmatan • Program Komuniti • Taman Awam	

Majlis menyeru agar semua pihak berganding bahu dalam menjaga kebersihan demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk Petaling Jaya.

Tahun ini, negara kita menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-68, suatu perjalanan penuh cabaran dan kejayaan. Mari kita bersama-sama terus memperkukuh perpaduan, semangat cintakan tanah air dan kerjasama demi Malaysia negara tercinta.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025.

Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni,

Sekian, terima kasih.